

BAHAGIAN A

1. Antara berikut, yang manakah merupakan keperluan kepada strategi penyelesaian masalah yang berkesan
 - A. Mewujudkan komunikasi sehalu
 - B. Menggalakkan pembelajaran dalam bilik darjah
 - C. Meningkatkan kemahiran berfikir
 - D. Membantu perkembangan otak

2. Teknik leraian (decomposition) merupakan salah satu teknik dalam pemikiran komputasional yang sering digunakan dalam proses penyelesaian masalah. Yang manakah BENAR mengenai teknik leraian
 - A. Teknik ini memecahkan masalah kepada bahagian yang lebihh kecil
 - B. Teknik ini memerlukan manusia membuat ramalan awal
 - C. Teknik ini membahagikan masalah mengikut corak
 - D. Teknik mencadangkan kepada kita cara-cara untuk menyelesaikan masalah

3. Anda perlu menyenaraikan ciri-ciri umum dan spesifik untuk menghasilkan proses penyelesaian masalah yang lebih tepat. Pernyataan ini merujuk kepada teknik

 - A. Teknik Leraian
 - B. Teknik Pengecaman objek
 - C. Teknik Pengecaman corak
 - D. Teknik Peniskalaan

4. Apakah yang boleh anda jelaskan mengenai algoritma?
 - A. Setiap arahan bergantung kepada teknik penyelesaian yang dipilih
 - B. Setiap arahan memerlukan penerangan yang jelas untuk memudahkan proses penyelesaian masalah
 - C. Setiap arahan hanyalah sebagai langkah awal untuk membantu proses penyelesaian masalah
 - D. Setiap arahan dikenalpasti dan susunan pelaksanaannya dijalankan seperti di rancang.

5. Apakah ciri-ciri dalam penyelesaian masalah yang berkesan?

- I. Kos
 - II. Masa
 - III. Sumber
 - IV. Teknik
- A. I dan II
B. I dan III
C. I, II dan III
D. I, II, III dan IV

6. Apakah ciri-ciri algoritma yang baik?

- I. Butiran jelas
 - II. Boleh dijelaskan
 - III. Mempunyai batasan
 - IV. Bergantung kepada system komputer
- A. I dan II
B. I dan III
C. I, II dan III
D. I, II dan IV


7. Rajah di bawah menunjukkan satu simbol yang sering digunakan dalam carta alir.

Yang manakah antara berikut merupakan fungsi simbol tersebut



- A. Arahan untuk membaca input atau memaparkan output
B. Arahan untuk menguji syarat yang terkandung dalam aturcara
C. Arahan untuk menunjukkan aliran proses
D. Arahan untuk memproses input dalam bentuk ungkapan dan memproses fail

8. Rajah di bawah menunjukkan satu carta alir dalam pengaturcaraan computer. Yang manakah menunjukkan simbol input dan output ?



- A. I dan II
B. II dan IV
C. III dan V
D. IV dan V

Bagi soalan 9 dan 10, nyatakan **BENAR** atau **PALSU** bagi pernyataan berikut.

9. Sumber didefinisikan sebagai wang, bahan mentah, kakitangan atau aset lain dalam sesebuah organisasi supaya dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

10. Memahami ciri-ciri komputer itu berfungsi akan menjadi lebih mudah jika seluruh komputer itu dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil. Teknik ini merujuk kepada teknik pengecaman objek.

BAHAGIAN B

11. Nyatakan empat pemikiran komputasional :

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____

(4 markah)

12. Nyatakan definisi algoritma

(2 markah)

13. Sediakan satu algoritma untuk mengeluarkan wang dari mesin wang tunai (ATM)

(6 markah)

14. Simbol di bawah, merupakan salah satu symbol yang terdapat dalam carta alir.

Jelaskan fungsi simbol tersebut.



(3 markah)

15. Lukiskan symbol


i. Input / Output

ii. Proses

(2 markah)

16. Rajah dibawah menunjukkan contoh struktur kawalan dalam pengaturcaraan.

Nyatakan jenis struktur kawalan tersebut. Jelaskan jawapan anda.



(3 markah)

17. Nyatakan 3 jenis struktur kawalan yang terdapat dalam pengaturcaraan komputer

(3 markah)

18. Nyatakan 3 jenis ralat yang terdapat dalam pengaturcaraan

(3 markah)

19. Huraikan dua daripada ralat yang disebutkan pada (soalan 18) di atas

(2 markah)

20. Berikut merupakan algoritma untuk mengira luas segiempat. Berdasarkan algoritma di bawah, jawab soalan-soalan berikut.

1. Mula
2. Input : panjang dan lebar kawasan
3. Kira nilai luas, iaitu panjang darab lebar
4. Output : Luas yang dikira
5. Tamat

a. Lengkapkan jadual IPO berikut :

Input	
Proses	
Output	

(3 markah)

b. Tuliskan pseudokod bagi algoritma di atas

(4 markah)

[SULIT
LIHAT SEBELAH
LIVEWORKSHEETS